

# Gubal akta sekat pemilik sewakan PPR kepada warga asing

**Kuala Lumpur:** Kerajaan digesa menggubal akta baharu bagi menghalang pemilik kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA) menyewakan keperluan asas itu kepada warga asing.

Ketua Penerangan UMNO Wilayah Persekutuan, Gulam Muszaffar, berkata tindakan radikal melalui penggubalan akta penting bagi memastikan pemilik unit tidak mengambil kesempatan ketika masih ramai B40 berada dalam senarai menunggu untuk mendapatkan rumah mampu milik.

“Adalah tidak adil rumah PPR yang dibina kerajaan 'dilacurkan' pengkhianat negara dan bangsa. Tidak cukup dengan memajak lesen perniagaan, menggaji warga asing dan pasar borong Selayang dijarah golongan itu, kini rumah PPR pula dijadikan mangsa, diberi warga asing menikmati.”

“Justeru, saya mencadangkan Menteri Wilayah Persekutuan, Dr Zaliha Mustafa supaya melihat perkara ini secara serius dan perlu berbincang dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi penggubalan akta terbabit,” katanya melalui kenyataan, di sini.

Beliau mengulas laporan media mengenai segelintir penyewa PPR di Lembah Klang meraih untung atas angin apabila menyewakan unit sewaan mereka kepada warga asing.

Laporan itu menyebut, berdasarkan risikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), penyewa warga tempatan membayar sewa RM124 setiap bulan, tetapi menetapkan sewa bulanan antara RM600 hingga RM1,200 kepada warga asing, bergantung lokasi.

Kerajaan pada 2009 membenarkan rumah PPR dijual antara RM21,000 hingga RM35,000 bagi memberi peluang penyewa memiliki kediaman sendiri selain meningkatkan ekuiti hartanah Bumiputera di bandar.

Gulam menyifatkan pemilik PPR yang berbuat demikian sebagai pengkhianat terhadap projek dilaksanakan kerajaan sebelum ini dan DBKL tiada sebarang 'locus standi' untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap perbuatan berkenaan.

Malah, katanya, sehingga kini tiada akta diwujudkan bagi membolehkan rampasan unit dibuat kerana hak pemilikan bukan lagi di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

“Oleh itu, masyarakat jangan salahkan dan tuding jari kepada DBKL dalam hal ini, sebaliknya kita kena perangai warga asing ini terutama yang masuk ke dalam negara secara haram,” katanya.